## ECERDC sasar RM70 bilion pelaburan, 120 peluang pekerjaan

Oleh Nazdy Harun - Ogos 3, 2022 @ 7:01pm
bhnews@bh.com.my

KUALA TERENGGANU: Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC) mengunjurkan jumlah pelaburan mencecah RM70 bilion bagi tempoh 2018 hingga 2025.

Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC, Datuk Baidzawi Che Mat, berkata Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECER) merangkumi 30 daerah di Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing, Johor.

Beliau berkata, pihaknya kini memberi tumpuan pada tiga elemen penting iaitu membawa masuk pelaburan, menjana peluang pekerjaan dan perniagaan.

"Bermula pada tahun 2018 hingga 2025, kita menyasarkan jumlah pelaburan sehingga RM70 bilion, selain 120 ribu peluang pekerjaan dan 60 ribu peluang perniagaan di wilayah ini.

"Saya difahamkan, di Terengganu sahaja terdapat 10,000 usahawan, manakala usahawan bimbingan ECERDC seramai 2,447 orang, bermula dari tahun 2018 hingga sekarang," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas Majlis Penyampaian Sijil Tamat Kursus Latihan dan Penyerahan Kit Permulaan Perniagaan Program Pembangunan Usahawan Mikro Baharu Empower ECER, di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Keusahawanan, Sumber Manusia, Industri Mikro dan Hal Pengguna Terengganu, Mohd Nurkhuzaini Ab Rahman.

Mengulas mengenai program serahan kit permulaan perniagaan itu, beliau berkata, pihaknya mewujudkan satu jalinan kerjasama dengan universiti setempat bagi memberi tunjuk ajar kepada peserta.

"Apabila perniagaan dijalankan, maka secara tidak langsung peluang pekerjaan juga terbuka kerana setiap perniagaan semestinya memerlukan pekerja di dalam organisasi mereka.

"Melalui program ini, kita membangunkan modal insan, terutama dalam golongan B40, penganggur, suri rumah yang berkelapangan dan mereka yang memerlukan bimbingan perniagaan," katanya.

Baidzawi berkata, kit permulaan bernilai RM1,500 itu adalah dalam bentuk barangan dan bukannya wang tunai.

Hari ini, seramai 450 peserta dari empat daerah iaitu Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Marang dan Setiu, menerima kit permulaan perniagaan, selain akan diberi bimbingan berterusan dari peringkat memulakan perniagaan hingga ke pemasaran produk.




Penerima anugerah, Rosliza Bidin, 33 bersama Sijil Tamat Kursus Latihan Kursus Solekan dan Andaman Program Pembangunan Usahawan Mikro/Baharu Empower ECER. - Foto NSTP/ GHAZALI KORI